

KUIS cemerlang lahir huffaz profesional

January 23, 2017

OLEH HAFIZAN TAIB

(<https://selangorkini.my/2017/01/kuis-cemerlang-lahir-huffaz-profesional/>)

BANDAR SERI PUTRA, 23 JAN: Kecemerlangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam pendidikan serta melahirkan kalangan huffaz profesional amat membanggakan dan bersesuaian dengan matlamat Kerajaan Negeri menjadikannya sebagai hub pendidikan Islam.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata kejayaan dicatat adalah berkat kerjasama pengurusan dan semua petugas di kolej itu yang sentiasa tampil bersedia dalam mendidik pelajar mendalami ilmu agama dan al-Quran.

“Penghargaan khusus Kerajaan Negeri kepada pengurusan KUIS di bawah pimpinan Rektornya, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri yang berjaya mentadbir dengan cemerlang sebagai sebuah institusi pendidikan Islam yang melahirkan kalangan daei, ulama dan umara.

“Kerajaan Negeri sememangnya mahu menjadikan KUIS sebagai hub melahirkan golongan huffaz di Selangor,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam Majlis Apresiasi Mahasiswa Tahfiz KUIS Bersama Kerajaan Negeri dan Pelancaran Fakulti Syariah Dan Undang-Undang KUIS di sini, hari ini.

Katanya, tahniah juga kepada KUIS di atas penganjuran majlis itu bagi meraikan seramai 545 pelajar yang meneruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang berkenaan.

“Al-Quran adalah kemuliaan tertinggi iaitu kalam Allah S.W.T diturunkan dengan penuh berkat dan memberikan petunjuk kepada manusia ke jalan yang lurus.

“Sesungguhnya tiada keburukan di dalamnya dan sebaik-baik manusia adalah mereka yang mempelajari juga mengajar al-Quran,” katanya.

Bagi menjayakan Tabung Pendidikan Tahfiz al-Quran Dan al-Qiraat KUIS, Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan sejumlah RM5 juta setahun hasil daripada sumber kewangan anak syarikatnya di mana majlis terbabit turut meraikan Kerajaan Negeri bersama pihak berkenaan.

Antara anak syarikat Kerajaan Negeri itu ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), WorldWide Holding Bhd, Pemerbadanan Dato' Menteri Besar Selangor (MBI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Kumpulan Semesta Sdn Bhd.